

## **PERSEKUTUAN KRISTIAN MALAYSIA**

(PPM-003-10-14011986)

*Alamat : 26 Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

*Telefon / Faks : + 60 3 7957 1457*

*Emel: [cfmsia@yahoo.co.uk](mailto:cfmsia@yahoo.co.uk)*

3hb Mac 2017

### **LEMBAR FAKTA CFM MENGENAI CADANGAN RANG UNDANG-UNDANG UNTUK MEMINDA AKTA 355 DAN KENAPA IA PERLU DITENTANG**

Ia adalah satu fakta bahawa undang-undang Islam atau Syariah telah memberi kesan kepada kehidupan rakyat Malaysia bukan Islam. Terdapat banyak contoh sejak beberapa dekad lalu, termasuk enakmen-enakmen bagi kedua-dua undang-undang negeri dan di Syariah – yang melarang penggunaan perkataan-perkataan tertentu atau ucapan seperti “Salam sejahtera” atau “Assalamuailaikum”. Terdapat juga kegemparan ke atas apa yang dianggap “halal” di mana walau sesetengah umat Islam turut mempertikaikan, ianya juga memecah-belahkan serta menimbulkan gangguan.

Yang paling serius dan paling kerap dibincangkan baru-baru ini adalah apa yang biasa dirujuk sebagai “Hukum Hudud”. Meskipun orang bukan Islam diyakinkan bahawa mereka tidak akan terjejas, ini adalah tidak benar.

Lembaran Fakta CFM mengenai Cadangan Pindaan Akta 355 adalah untuk menyediakan maklumat mengenai Enakmen-enakmen Hudud dan terutamanya Rang Undang-undang untuk meminda Akta 355 yang akan diundi dalam sesi Parlimen yang akan datang. Rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam harus sedar tentang implikasi Rang Undang-Undang ini dan meminta Ahli Parlimen mereka untuk menentang Rang Undang-undang tersebut.

Ia adalah penting untuk mengambil maklum bahawa UMNO, parti memerintah dalam parti pergabungan kerajaan telah menyertai PAS untuk membentangkan Rang Undang-undang di Parlimen, dan pemimpin-pemimpin UMNO telah menyatakan sokongan mereka secara terbuka terhadap Rang Undang-undang ini. Implikasi kerajaan bagi semua rakyat Malaysia untuk menyokong Rang Undang-undang tersebut adalah besar.

Pindaan seperti yang dicadangkan kepada Akta 355 membawa kesan yang besar dan akan mempengaruhi Prinsip Asas Keadilan, kebebasan dan hak-hak semua rakyat Malaysia. Oleh itu, ia mesti dibincang dengan menyeluruh dan dengan penuh tanggungjawab, secara terbuka and jujur. Namun, ini belum berlaku.

Pindaan Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh ahli peribadi Dato’ Seri Hadi bin Awang tersebut sepatutnya bukan hanya dalam domain umat Islam

atau dalam kewajipan kompulsif orang Islam seperti yang ditegaskan oleh Presiden PAS, yang mengatakan bahawa unsur kecil Syariah tersebut sebagai “Undang-undang Ilahi”, sebenarnya tidak.

Pindaan yang dicadangkan seharusnya dimulakan oleh Kerajaan hanya selepas membuat kajian menyeluruh mengenai kesan dan keseriusannya terhadap semua rakyat Malaysia dari setiap lapisan masyarakat. Sebarang peningkatan hukuman yang ditetapkan haruslah berdasarkan prinsip-prinsip undang-undang dan Perlembagaan kita.

Persekutuan Kristian Malaysia menyeru ahli-ahli parlimen Malaysia, dalam kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Rakyat untuk tidak meluluskan Cadangan Pindaan kepada Akta 355.

Kami menyeru semua rakyat Malaysia untuk menghubungi ahli Parlimen mereka, alamat Pusat Khidmat Ahli Parlimen boleh didapati di laman web Parlimen: <http://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan.html?uweb=dr&> untuk memastikan bahawa ahli Parlimen mereka menghadiri Dewan Rakyat untuk mengundi serta memastikan bahawa mereka tidak mengundi memihak kepada pindaan tersebut.

Yang ikhlas,



Rev. Dr. Eu Hong Seng,  
Pengerusi dan Jawatankuasa Eksekutif,  
Persekutuan Kristian Malaysia.